

German Technology Park Buka 10,000 peluang pekerjaan

Norafiqah Jamal

KUALA LUMPUR - Pembangunan German Technology Park (GTP) di Melaka bakal membuka 10,000 peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan apabila siap sepenuhnya kelak.

Taman teknologi baharu itu bakal dibangunkan di sebuah kawasan seluas 138.07 hektar (341.18 ekar) di Bandar Hijau, Hang Tuah Jaya, Ayer Keroh dan dijangka siap serta dibuka untuk jualan pada 2026.

Pembangunan tersebut bakal menerapkan unsur Environmental, Social & Governance (ESG), Sustainable Development Goals & Green Building Index (GBI), yang mana ia bakal memberi tumpuan kepada sektor penyelidikan dan pembangunan (R&D), jentera dan peralatan, elektrik dan elektronik, serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Utama Ab Rauf Yusoh berkata, model pembangunan GTP itu diyakini akan meletakkan Melaka sebagai destinasi pelaburan yang cukup menarik kepada syarikat berteknologi tinggi di Jerman.

Jelas beliau, penubuhan GTP itu juga bakal melonjakkan lagi pembangunan ekonomi berimpak tinggi di Melaka menerusi pembangunan industri, pemindahan tek-



AB Rauf bersama tetamu yang hadir bergambar bersama pada Majlis Menandatangani MoU di antara Kerajaan Negeri menerusi MCORP bersama MIDA dan lapan pemilik tanah untuk pembangunan German Technology Park (GTP) Melaka di sebuah hotel di Kuala Lumpur. Foto Iqmal Haqim Rosman

nologi serta mengembangkan tenaga kerja mahir dalam kalangan rakyat tempatan.

"Saya berkeyakinan tinggi, GTP ini akan membantu melonjakkan sektor industri berimpak tinggi di Negeri Melaka, selain membantu meningkatkan lagi kualiti pekerja mahir Melaka melalui pemindahan teknologi.

"Untuk itu, kerajaan akan memanfaatkan sepenuhnya Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM) sebagai institusi yang berteraskan

pendidikan teknologi serta melahirkan pekerja mahir tempatan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sempena Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Perbadanan Melaka (MCORP) dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan lapan pemilik tanah bagi pembangunan GTP di sebuah hotel di Kuala Lumpur, 22 Mac lalu.

Hadir sama, Duta Besar Jer-

man Ke Malaysia, Dr. Peter Bloemeyer; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Zaidi Johari; Timbalan Menteri Pertahanan, Adly Zahari; Timbalan Exco Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan TVET negeri, Datuk Khaidhirah Abu Zahar; barisan Exco dan Timbalan Exco Kerajaan Negeri, ketua-ketua jabatan serta kenamaan lain.

Lapan syarikat yang terbabit MoU berkenaan adalah MCORP yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Mohd Yusof Abu

Bakar; Jakel Holdings Sdn Bhd diwakili Datuk Seri Mohamed Faroz Mohamed Jakel; Riverwell Resources Sdn Bhd diwakili Richard Teo Lay Ban; Yayasan Melaka diwakili Datuk Kamarul Zaman Jantan; MIDA diwakili Datuk Wira Arham Abdul Rahman; Harmony Alliance Sdn Bhd diwakili Datuk Zainal Abidin Sakom; Infra Park Development Sdn Bhd diwakili Nur Fairuz Ruslan; dan LCN Development Sdn Bhd diwakili oleh Norlaila Lee Abdullah.